



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : ETIKA PROFESION PENDIDIKAN
KOD MATA PELAJARAN : BBG 3353
KURSUS : SARJANA PENGURUSAN
PENDIDIKAN
TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL / MEI 2010
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN
1. BAHAGIAN A : JAWAB SEMUA SOALAN
2. BAHAGIAN B : JAWAB TIGA SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (50 SOALAN).

- S1 Nilai ditakrifkan sebagai
- A dasar perkhidmatan yang mendorong individu atau institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat.
 - B peraturan bertulis yang mendorong individu atau institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat.
 - C Disiplin yang mendorong individu atau institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat.
 - D kepercayaan yang mendorong individu atau institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat.
- S2 Perbezaan antara nilai dan etika kerja adalah
- A Nilai adalah peraturan bertulis manakala etika kerja adalah sistem moral yang dihayati bagi mengawal tingkahlaku.
 - B Nilai adalah sistem moral manakala etika kerja adalah kepercayaan yang dihayati bagi mengawal tingkahlaku.
 - C Nilai adalah kepercayaan manakala etika kerja adalah sistem moral yang dihayati bagi mengawal tingkahlaku.
 - D Nilai adalah sistem disiplin manakala etika kerja adalah dasar perkhidmatan yang dihayati bagi mengawal tingkahlaku.
- S3 Semua kenyataan berikut adalah fungsi Etika Perkhidmatan Awam, kecuali
- A mengekalkan dan memelihara kepercayaan terhadap tugas yang diberikan.
 - B menjadi asas rujukan bagi cadangan dan sokongan kenaikan pangkat.
 - C memupuk tanggungjawab bersama, mengeratkan hubungan antara kakitangan dan mewujudkan suasana yang sihat dan cekap dalam perkhidmatan.
 - D membentuk sikap dan pembawaan kakitangan kerajaan bersesuaian dengan semangat Rukunegara.

- S4 Antara faktor penyebab kepada Etika Perkhidmatan Awam diperkenalkan adalah
- A tuduhan rasa curiga dan syak-wasangka tentang kemampuan perkhidmatan awam.
 - B memenuhi salah satu kehendak akreditasi pengiktirafan jaminan kualiti MS ISO 9000.
 - C sebagai salah satu instrumen menilai tahap kemampuan penyampaian agensi awam.
 - D mengiktiraf kesetiaan kakitangan kerajaan bersesuaian dengan semangat Rukunegara.
- S5 Meningkatkan mutu perkhidmatan dari semasa ke semasa adalah rasional bagi
- A Tunggak Dua Belas.
 - B Etika Perkhidmatan Awam.
 - C Dasar Pelajaran Kebangsaan.
 - D Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- S6 Semua kenyataan berikut adalah pengaruh luar yang mendorong kerajaan memperkenalkan Etika Perkhidmatan Awam, kecuali
- A Kemosrotan ekonomi.
 - B Ancaman Keselamatan.
 - C Sistem Saraan Malaysia.
 - D Gejala sosial yang tidak sihat.
- S7 Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam adalah satu contoh
- A Penghayatan Nilai Murni dan Tunggak Dua Belas.
 - B Penghayatan Nilai Murni dan Dasar Pelajaran Kebangsaan.
 - C Penghayatan Nilai Murni dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
 - D Penghayatan Nilai Murni dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam.
- S8 Manakah antara berikut **bukan** penghayatan Nilai Murni dan Etika dalam Perkhidmatan Awam?
- A Penggunaan Kad Perakam Waktu.
 - B Kempen Bersih, Cekap dan Amanah.
 - C Rekod Perkhidmatan Penjawat
 - D Dasar Pandang ke Timur.

- S9 Tujuan Teras Perkhidmatan Awam adalah
- A bersaing mematuhi piawai standard yang ditentukan oleh pesaing.
 - B bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh negara.
 - C mengiktiraf perbuatan yang dilakukan bukan atas tujuan awam.
 - D memberikan pengecualian kepada faktor tekanan kekeluargaan dan kaum.
- S10 Aktiviti latihan, fail meja, mesyuarat dan perbincangan Perbincangan KMK adalah salah satu cabang Teras Perkhidmatan Awam yang khusus untuk
- A meninggikan mutu perkhidmatan.
 - B membina pekerja bertanggungjawab penuh.
 - C mengikis sikap mementingkan diri sendiri.
 - D memupuk kemesraan hubungan pekerja.
- S11 Surat tawaran pekerjaan, ikrar Perkhidmatan Awam dan senarai tugas bagi penjawat awam adalah bertujuan untuk
- A meninggikan mutu perkhidmatan.
 - B membina pekerja bertanggungjawab penuh.
 - C mengikis sikap mementingkan diri sendiri.
 - D memupuk kemesraan hubungan pekerja.
- S12 Komunikasi berkesan dan buka peluang bertanya bagi penjawat awam adalah bertujuan untuk
- A meninggikan mutu perkhidmatan.
 - B membina pekerja bertanggungjawab penuh.
 - C mengikis sikap mementingkan diri sendiri.
 - D memupuk kemesraan hubungan pekerja.
- S13 Mana-mana penjawat awam perlu memahami dasar-dasar kerajaan untuk
- A meninggikan mutu perkhidmatan yang disampaikan oleh penjawat awam.
 - B mengikis sikap mementingkan diri dalam kalangan penjawat awam.
 - C membolehkan penjawat awam berkhidmat dengan penuh muhibah dan penuh tanggungjawab.
 - D membolehkan penjawat awam ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara.

- S14 Aktiviti yang termasuk dalam cadangan pelaksanaan Etika Perkhidmatan Awam (SPA 5/79) adalah
- A mengadakan mesyuarat di luar premis pekerjaan.
 - B mewajibkan pemakaian pakaian kebangsaan dan batik di premis pekerjaan.
 - C penubuhan Jawatankuasa Kelab Sukan, Kebajikan dan Sosial serta aktiviti seumpamanya.
 - D menggalakkan aktiviti senamrobik dan taklimat pagi di premis pekerjaan.
- S15 Matlamat Dasar Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Pentadbiran Awam adalah **tidak** termasuk
- A membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang beramanah, beridentiti dan disegani oleh masyarakat lain.
 - B Menggalakkan penjawat awam bersaing meninggikan kelayakan melalui pembabitan dalam pembelajaran sepanjang hayat.
 - C mewujudkan sebuah negara yang bahagia menerusi perkhidmatan yang bermutu.
 - D menghapuskan sikap negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggung-jawabkan.
- S16 Manakah antara berikut **tidak** termasuk dalam cakupan Konsep Etika Kerja?
- A Bangga dengan pencapaian diri sendiri.
 - B Menepati kewajipan agama dan moral.
 - C Mengutamakan kepentingan organisasi dan bukan peribadi.
 - D Kesetiaan pada kerja dan rasa kekitaan.
- S17 Kepuasan bekerja adalah
- A Seseorang penjawat awam itu berpuas hati dengan apa yang beliau perolehi dari organisasinya
 - B Seseorang penjawat awam itu berpuas hati dengan apa yang dapat disumbangkan untuk organisasinya.
 - C Organisasi berpuas hati dengan pencapaian matlamat melalui kepelbagaian kebolehan pekerja.
 - D Organisasi tidak berpuas hati dengan pencapaian pekerja yang berkelayakan tinggi.

- S18 Pengurangan kadar salah laku murid di sekolah menunjukkan keberkesanan
- A pendidikan sains dan matematik dalam bahasa inggeris serta makmal komputer pelajar.
 - B pengajaran dan pembelajaran serta pemantauan jadual belajar sendiri efektif pelajar.
 - C pendidikan sivik dan kenegaraan serta penguatkuasaan disiplin di kalangan pelajar.
 - D pendidikan kokurikulum persatuan dan sukan serta kepimpinan di kalangan pelajar.
- S19 Petunjuk bagi kecekapan dalam sistem penyampaian khidmat awam termasuk mengatasi karenah birokrasi dan penyelewengan adalah
- A Indeks Persepsi Rasuah.
 - B Indeks Persepsi Pengguna.
 - C Indeks Persepsi Komposit.
 - D Indeks Persepsi Awam.
- S20 Indeks Persepsi Rasuah digubal oleh
- A Pelan Integriti Nasional.
 - B *Corruption Perception Index*.
 - C *Transparency International*.
 - D Tekad 2008.
- S21 Manakah antara berikut bukan sasaran PIN oleh TEKAD 2008?
- A Mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara berkesan.
 - B Menggalakan pembinaan keluarga berkualiti melalui program perkahwinan sesama siswazah.
 - C Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian khidmat awam, mengatasi karenah birokrasi dan penyelewengan.
 - D Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan serta memantapkan institusi keluarga.

- S22 Badan NGO yang prihatin terhadap rasuah pada peringkat antarabangsa adalah
- A *Transparency International.*
 - B *World International Amnesty.*
 - C *Human Rights Movement.*
 - D *Greenpeace.*
- S23 Rasuah adalah
- A menerima ganjaran berkaitan tugas dan kedudukan atas sebab yang wajar.
 - B menerima ganjaran berkaitan tugas dan kedudukan atas sebab tidak wajar.
 - C menerima ganjaran yang tiada berkaitan tugas dan kedudukan atas sebab wajar.
 - D menerima ganjaran yang berkaitan pelaburan yang diusahakan atas sebab wajar.
- S24 Set tingkah laku atau tanggungjawab guru terhadap masyarakat dan negara, pelajar, rakan sejawat dan ibu bapa pelajar adalah
- A Pelan Integriti Nasional.
 - B Etika Perkhidmatan Awam.
 - C Etika Perguruan.
 - D Etika Profesional.
- S25 Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia yang perlu dilaksanakan adalah
- A penghayatan niat dan perlakuan yang bercanggah, prejudis, sopan, berbaik sangka, komited dan menghargai hasil usaha organisasi.
 - B penghayatan niat dan perlakuan yang bercanggah, prejudis, kritis, mengadu domba, komited dan mengancam kesejahteraan organisasi.
 - C penghayatan niat dan perlakuan yang baik, sopan, berbaik sangka, komited dan mengutamakan kepentingan peribadi.
 - D penghayatan niat dan perlakuan yang baik, sopan, berbaik sangka, komited dan menghargai hasil usaha organisasi.

- S26 Dokumentasi kod etika perguruan
- A memudahkan usaha membuat tuntutan kenaikan gaji oleh kesatuan sekerja.
 - B memudahkan ahli masyarakat menyemak dan campur tangan tugas guru.
 - C memudahkan usaha mempertahankan dan menguatkuasakan etika.
 - D memudahkan usaha mempertahankan dan menguatkuasakan hukuman.
- S27 Sesuatu pekerjaan yang khusus dan dilaksanakan oleh orang mempunyai kelulusan dan latihan ikhtisas yang cukup bermutu, bersikap jujur, dedikasi, bertanggungjawab dan bermoral tinggi, mempunyai autonomi bertugas serta mematuhi kod etika yang ditentukan oleh organisasinya. Pernyataan ini adalah menepati konsep
- A profes.
 - B profesion.
 - C profesional.
 - D profesionalisme.
- S28 Hala tuju sistem pendidikan negara ditentukan oleh
- A Dasar Pendidikan Kebangsaan.
 - B Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).
 - C Rukun Negara dan Wawasan 2020.
 - D Standaard Kualiti Pendidikan Malaysia.
- S29 Seorang guru kaunseling telah menceritakan keburukan kliennya di dalam bilik guru sewaktu berbual dengan rakan-rakan sejawatnya, adalah satu contoh
- A kesalahan moral.
 - B kesalahan etika.
 - C kesalahan nilai.
 - D kesalahan akhlak.
- S30 Seluruh dunia tanpa mengira bangsa telah bersatu padu menyumbangkan tenaga dalam bentuk tenaga dan wang ringgit untuk membantu mangsa Tsunami di Aceh dan Chile, dan gempa bumi di Taiwan adalah contoh
- A prinsip keadilan moral.
 - B prinsip moral autonomi.
 - C prinsip moral altruisme.
 - D prinsip moral adat.

- S31 Guru Besar sentiasa menyuruh guru X membuat kerja-kerja pentadbiran sekolah. Akibatnya guru X tidak ada masa langsung untuk dirinya dan keluarganya sedangkan terdapat ramai guru di sekolah A yang tidak mempunyai banyak kerja . Perkara tersebut membuktikan salah guna kuasa oleh guru besar sehingga membawa kesan negatif kepada kehidupan guru tersebut. Ini adalah satu contoh kesalahan
- A prinsip keadilan moral.
 - B prinsip moral autonomi.
 - C prinsip moral altruisme.
 - D prinsip moral adat.
- S32 Nazri memilih tidak merokok kerana dia sedar bahawa merokok membahayakan kesihatan. Dia tidak merokok bukan kerana dia takut dimarah ibubapa/guru tetapi kerana kesedaran dalaman yang tinggi dan tidak mudah dipengaruhi oleh sesiapaupun. Perbuatan ini adalah satu contoh
- A prinsip keadilan moral.
 - B prinsip moral autonomi.
 - C prinsip moral altruisme.
 - D prinsip moral adat.
- S33 Norma, nilai dan peraturan sesebuah masyarakat yang boleh membentuk tingkah laku dengan watak seseorang itu lahir daripada kepatuhan individu terhadap autoriti yang sah. Kenyataan ini adalah
- A peraturan nilai.
 - B peraturan moral.
 - C peraturan akhlak.
 - D peraturan undang-undang.
- S34 Manakah antara berikut bukan ciri undang-undang?
- A Peraturan-peraturan masyarakat yang telah diluluskan oleh autoriti.
 - B Alat kawalan dan bahan rujukan bagi suatu kesalahan
 - C Kejahilan boleh menjadi alasan bagi membela diri dari tuduhan atau dakwaan.
 - D Perasaan kasih sayang, belas kasihan, tolak ansur dan baik hati tidak wujud.

- S35 Perbezaan antara perguruan dan keguruan adalah
- A perguruan merujuk kepada latihan profesion manakala keguruan merujuk kepada kelayakan dan ketokohan guru.
 - B perguruan merujuk kepada proses penyediaan manakala keguruan merujuk kepada profesion guru.
 - C perguruan merujuk kepada pengajaran manakala keguruan merujuk kepada pembelajaran guru.
 - D perguruan merujuk kepada individu manakala keguruan merujuk kepada komuniti guru.
- S36 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah berkuatkuasa mulai
- A Januari 1967.
 - B Januari 2008.
 - C Januari 2010.
 - D Januari 2009.
- S37 Guru lebih mengutamakan kebajikan dan keselamatan pelajar murid daripada hal-hal lain, adalah satu contoh
- A tanggungjawab terhadap ibu bapa.
 - B tanggungjawab terhadap masyarakat.
 - C tanggungjawab terhadap pelajar.
 - D tanggungjawan terhadap rakan sejawat.
- S38 Sistem persekolahan yang berbeza mempunyai haluan masing-masing dan tidak dapat melahirkan satu identiti bangsa. Atas rasa kesedaran kebangsaan menerusi pendidikan sebagai alat untuk mencapai perpaduan bangsa, maka satu jawatankuasa ditubuhkan untuk mengkaji sistem pendidikan yang sedia ada. Cadangan itu dikenali sebagai
- A Penyata Razak 1956.
 - B Penyata Barnes 1958.
 - C Penyata Kabinet 1974.
 - D Penyata Rahman Talib 1960.

- S39 Menentukan arah dan memberi makna kepada pemikiran, tindakan dan tingkahlaku bagi memenuhi tanggungjawab amanah adalah
- A objektif nilai perkhidmatan awam.
 - B objektif etika perkhidmatan awam.
 - C objektif suruhanjaya perkhidmatan perguruan.
 - D objektif tatasusila profesion perguruan.
- S40 Antara contoh dasar telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membina penghayatan sikap dan nilai murni dalam perkhidmatan awam termasuklah
- A pemakaian baju batik.
 - B pemakaian baju koporat.
 - C pemakaian tag nama.
 - D Pemakaian tali leher.
- S41 Manakah antara berikut tidak termasuk dalam ciri-ciri profesion pendidikan?
- A Tugas mengajar adalah unik dan penting.
 - B Tugas mengajar banyak memerlukan keupayaan khusus.
 - C Tugas mengajar oleh guru terlatih tidak perlukan persediaan.
 - D Tugas mengajar memerlukan kuasa autonomi guru dalam kelas
- S42 Manakah antara berikut merupakan halangan kepada memertabatkan profesion pendidikan?
- A Guru bertanggungjawab terhadap semua keputusan yang dibuat.
 - B Guru mempunyai kelayakan akademik dan latihan yang berbeza.
 - C Guru mementingkan tugas mengajar dan memastikan prosedur dipatuhi.
 - D Guru adalah ahli badan autonomi yang ada kuasa melantik dan memecat.
- S43 Profesion keguruan bermaksud
- A satu pekerjaan yang membawa bersama tanggungjawab, integriti dan akauntabiliti terhadap masyarakat.
 - B satu pekerjaan pengajaran yang memerlukan pelajaran yang tinggi dan latihan khas.
 - C satu pekerjaan yang ditentukan oleh kod etika sebagai panduan amalan dalam segala aktiviti profesionalnya.
 - D satu pekerjaan yang mementingkan autonomi menentukan kaedah-kaedah mengajar dalam bilik darjah.

- S44 Individu yang tidak mempunyai latihan ikhtisas dalam bidang keguruan pun boleh digelar sebagai guru, selagi dia menjalankan tugas mengajar
- A cabaran perguruan dalam konsep profesional.
 - B cabaran keguruan dalam konsep profesional.
 - C cabaran perguruan dalam konsep bukan profesional.
 - D cabaran keguruan dalam konsep bukan profesional.
- S45 Manakah antara berikut tidak termasuk dalam Tatasusila Profesion Keguruan?
- A Tanggungjawab terhadap pelajar.
 - B Tanggungjawab terhadap kesejahteraan guru.
 - C Tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.
 - D Tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion keguruan.
- S46 Apa jua kenyataan yang membezakan antara perkara yang baik dan yang buruk, serta yang betul dan salah dengan tujuan memberi garis panduan kepada ahli-ahli profesion adalah contoh
- A aspek moral dalam etika profesion.
 - B aspek disiplin dalam etika profesion.
 - C aspek integriti dalam etika profesion.
 - D aspek pencegahan dalam etika profesion.
- S47 Cikgu Ahmad meminta pihak sekolah mengecualikan beliau dari ditugaskan mengajar kelas dimana anaknya belajar, adalah satu contoh
- A tanggungjawab terhadap pelajar.
 - B tanggungjawab terhadap ibu bapa.
 - C tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.
 - D tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion keguruan.
- S48 Akauntabiliti keguruan bermaksud
- A tanggungjawab terhadap rakan sejawat.
 - B tanggungjawab terhadap keluarga dan imej diri.
 - C tanggungjawab terhadap pelanggan dan institusi.
 - D tanggungjawab terhadap profesionalisme keguruan.

- S49 Satu obligasi untuk memberikan jawapan dan penjelasan kepada mereka yang berhak adalah
- A konsep moral.
 - B konsep keguruan.
 - C konsep profesion.
 - D konsep akauntabiliti.
- S50 Pendekatan pengajaran berpusatkan murid dengan ubahsuaian kaedah sejajar dengan tahap perkembangan kognitif murid-murid adalah contoh
- A akauntabiliti guru terhadap sekolah.
 - B akauntabiliti guru terhadap ibu bapa.
 - C akauntabiliti guru terhadap tingkahlaku.
 - D akauntabiliti guru terhadap masyarakat.

BAHAGIAN B (4 SOALAN)

ARAHAN : JAWAB MANA-MANA TIGA SOALAN BERIKUT.

- S1 a) Nyatakan Falsafah Pendidikan Guru?
(5 markah)
- b) Terangkan lima ciri keguruan dalam konsep profesional?
(10 markah)
- c) Dengan bersertakan lima contoh yang sesuai, jelaskan bagaimana anda menangani salah laku etika guru di sekolah yang anda pimpini?
(10 markah)
- S2 a) Apakah rasuah?
(5 markah)
- b) Terangkan lima kepentingan etika guru dari perspektif pencegahan rasuah?
(10 marah)
- c) Dengan bersertakan lima contoh yang sesuai, jelaskan bagaimana anda mencegah salah laku rasuah di sekolah yang anda pimpini?
(10 markah)
- S3 a) Apakah klausa P.U.(A) Peraturan 8 mengenai Buku Rekod Mengajar?
(5 markah)
- b) Terangkan lima kesalahan salahlaku berkaitan Buku Rekod Mengajar?
(10 markah)
- c) Dengan bersertakan lima contoh yang sesuai, jelaskan bagaimana anda mencegah salah laku berkaitan Buku Rekod Mengajar?
(10 markah)
- S4 a) Apakah Pelan Integriti Negara?
(5 markah)
- b) Terangkan lima rasional Pelan Integriti Negara?
(10 markah)
- c) Dengan bersertakan lima contoh yang sesuai, jelaskan bagaimana anda menguasai program penghayatan nilai dan etika di sekolah anda?
(10 markah)